



KENYATAAN MEDIA

UMS DAN PERKESO LEBARKAN JARINGAN USAHASAMA BAGI MENERAJUI BIDANG PENGAJARAN, PENYELIDIKAN DAN PERKHIDMATAN REHABILITASI KEPADA KOMUNITI DI SABAH

KOTA KINABALU, 22 September – Universiti Malaysia Sabah (UMS) dan Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) hari ini memeterai Memorandum Persefahaman (MoU) bagi membuka laluan kepada pelbagai kolaborasi strategik antara kedua-dua belah pihak untuk manfaat komuniti di Sabah.

Kerjasama yang terjalin ini akan menyokong usaha UMS dan PERKESO untuk memperluaskan kemudahan rehabilitasi di Sabah menerusi penyediaan kemudahan tersebut di Hospital UMS. Usaha murni ini dilihat bakal memberikan manfaat bukan sahaja kepada Orang Berinsurans (OB) di bawah PERKESO, malah kepada seluruh masyarakat setempat untuk mendapatkan rawatan rehabilitasi di kampus UMS.

MoU ini telah ditandatangani oleh Dato' Sri Dr. Mohammed Azman bin Dato' Aziz Mohammed, Ketua Eksekutif PERKESO dan Prof. Madya Dr. Raman B. Noordin, Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar dan Alumni yang turut menjalankan fungsi sebagai Naib Canselor UMS. Ia disaksikan dan ditandatangani oleh Datuk Dr. Hafez Bin Hussain, Pengarah Eksekutif Pusat Rehabilitasi PERKESO Tun Abdul Razak dan Encik Luqman Ridha Anwar selaku Pendaftar UMS.

Selain itu, pemeteraian MoU ini juga akan merintis kolaborasi dua hala dalam aspek pengajaran, pembelajaran, penyelidikan dan inovasi dalam pelbagai bidang khususnya perubatan rehabilitasi, intervensi neurologi, kesihatan mental, kemahiran kesihatan

bersekutu, intervensi robotik, latihan vokasional, keselamatan dan kesihatan pekerjaan, pengurusan hilang upaya serta program *Return to Work* (RTW) PERKESO.

Kerjasama strategik ini membolehkan UMS dan PERKESO memperluaskan lagi penyampaian perkhidmatan menerusi bidang kepakaran masing-masing. Menurut Prof. Madya Dr. Raman, UMS dan PERKESO komited dalam mempromosi, meningkatkan kesedaran serta menambah baik akses kepada rawatan rehabilitasi yang berkualiti khususnya di Negeri Di Bawah Bayu ini.

“Skop kerjasama yang menyeluruh ini bakal memberikan impak yang signifikan terutamanya dalam menangani masalah utama mendapatkan rawatan rehabilitasi iaitu tanggungan kos rawatan pesakit. Dengan wujudnya pembiayaan melalui skim-skim yang ditawarkan oleh pihak PERKESO, capaian pesakit di Hospital UMS akan bertambah luas.” ucap beliau.

Sementara itu, Dato' Sri Dr. Mohammed Azman berkata MoU di antara PERKESO dan UMS ini akan memberi sinar baharu kepada para pencarum PERKESO yang mengalami kemalangan atau penyakit khususnya di Sabah, menerusi program rehabilitasi dan pengurusan hilang upaya yang komprehensif dan dinamik.

“Sejak program RTW diperkenalkan pada 2007 hingga 16 September 2022, seramai 49,851 orang peserta RTW telah berjaya dibantu untuk kembali semula ke alam pekerjaan. Kami yakin bahawa kerjasama dengan UMS ini akan dapat membantu lebih ramai pencarum untuk berdikari dan kembali produktif,” menurut beliau.

Selain itu menerusi kerjasama dua-hala ini juga, PERKESO berhasrat untuk membangunkan sebuah **Pusat Satelit MYFutureJobs** di kampus UMS agar para siswazah dan graduan UMS memperoleh manfaat daripada pelbagai perkhidmatan pekerjaan PERKESO seperti kaunseling kerjaya, pencarian dan padanan pekerjaan serta sokongan individu bagi penempatan pekerjaan termasuklah persiapan temu duga.

Mengenai UMS:

Universiti Malaysia Sabah (UMS) telah ditubuhkan pada 24 November 1994 dan merupakan sebuah universiti awam (UA) ke-9 ditubuhkan di Malaysia yang terletak di Kota Kinabalu, Sabah. Berpaksikan motto 'Bertekad Cemerlang', matlamat penubuhan UMS bukan semata-mata menghasilkan sumber manusia untuk memenuhi keperluan negara tetapi bermatlamat menghasilkan graduan yang berbakat, berkemahiran tinggi dan mengkhusus dalam pelbagai bidang. Sehingga tahun 2020, UMS telah berjaya menghasilkan seramai 79,000 graduan dalam pelbagai bidang dengan purata kemasukan pelajar baharu seramai 4,000 orang setahun. UMS menawarkan sebanyak 71 program pengajian di peringkat ijazah sarjana muda yang terdiri daripada program Sains, Kejuruteraan, Perubatan, Sains Makanan, Pertanian, Perhutanan, Seni, Sains Sosial, Perniagaan, Perakaunan dan Ekonomi. UMS mempunyai kira-kira 15,000 pelajar prasiswazah dan 2,500 pelajar pascasiswazah yang mengikuti pengajian Sarjana atau Doktor Falsafah.

Mengenai PERKESO:

Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) telah ditubuhkan sebagai sebuah jabatan Kerajaan di bawah Kementerian Sumber Manusia bagi menyediakan perlindungan keselamatan sosial kepada golongan pekerja di bawah Akta Keselamatan Sosial Pekerja 1969 (Akta 4) dan Peraturan-Peraturan (Am) Keselamatan Sosial Pekerja 1971, Akta Keselamatan Sosial Pekerjaan Sendiri 2017 (Akta 789) dan Akta Sistem Insurans Pekerjaan 2017 (Akta 800). Konsep Perlindungan Keselamatan Sosial PERKESO adalah berteraskan konsep tanggungjawab bersama menerusi sumber terkumpul, perkongsian risiko dan penggantian pendapatan. Sejak pandemik melanda negara pada tahun 2020, PERKESO telah dipertanggungjawabkan untuk melaksanakan pelbagai inisiatif kerajaan di bawah beberapa Pakej Rangsangan Kerajaan seperti PRIHATIN, PENJANA, KITA PRIHATIN, BELANJAWAN 2021 PERMAI, PEMERKASA dan PEMERKASA+. PERKESO kini sedang melaksanakan bantuan Kerajaan yang telah ditambah baik di bawah peruntukan Bajet 2022 menerusi program seperti SIP Subsidi Upah Bersasar, SIP EMP+, SPS Padanan Caruman, SPS Khidmat, JaminKerja – Insentif Penggajian dan SIP Gig.

UNTUK PERTANYAAN MEDIA, SILA HUBUNGI:

UMS

Afiqah Amat | afiqahamat@ums.edu.my | +6019-8606511

Salbinous Saribun | leo@ums.edu.my | +6016-5881457

PERKESO

Shafiq Adnan | shafiq.adnan@perkeso.gov.my | +6018 – 3246 720

Hamisah Hamid | hamisah.hamid@perkeso.gov.my | +6019 – 3833 605